

# Majlis Perasmian

# PUSAT EKUIN

PUSAT EKUIN UTM

Oleh

**DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR TUNKU MAHKOTA JOHOR**

**14 Ogos 1996**

**Pusat Ekuin**
**Universiti Teknologi Malaysia**

SF
294.2
U54
1996
wa
n1

UTM 25

Penaja Utama

JTOP

*JOHORE TENGGARA OIL PALM BERHAD*
*A Subsidiary of Southern Integrated Agriculture Project Sdn Bhd*

3 0000 00420639 1

296719

*Seluruh Masyarakat*
*Kampus Universiti*
*Teknologi Malaysia dengan bangga*
*dan sukacita menyambut keberangkatan*
*Duli Yang Amat Mulia*
*Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar*
*Tunku Mahkota Johor dan*
*Yang Amat Mulia*
*Raja Zarith Sofiah binti*
*Almarhum*
*Sultan Idris Shah*



DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA
SULTAN ISKANDAR IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL
SULTAN JOHOR



DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH ZANARIAH BINTI ALMARHUM TUNKU AHMAD
SULTANAH JOHOR



DULI YANG AMAT MULIA
TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR
TUNKU MAHKOTA JOHOR



YANG AMAT MULIA
RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH

PUSAT
EKUIN
UTM

# *ISI KANDUNGAN*

*Kata-kata Aluan*

*Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Perasmian Pusat Ekuin UTM*

*Ahli Jawatankuasa Pusat Ekuin UTM*

*Aturcara Majlis*

*Versatility on four legs*

*The Point of A horse*

*Penghargaan*

*Sekalung Budi*

## TITAH ALUAN
## DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR, TUNKU MAHKOTA JOHOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan salam sejahtera

Saya mengucapkan setinggi tinggi kesyukuran kehadrat Allah S W T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat saya menurunkan sepatah dua kata di dalam buku cenderamata Perasmian Pusat Ekuin, Universiti Teknologi Malaysia. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak pengurusan Universiti serta pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan perasmian Pusat Ekuin ini.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada UTM di atas daya usaha yang diambil dalam menubuhkan pusat kegiatan sukan berkuda di negeri Johor Darul Ta'zim. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang pertama memiliki Pusat Ekuin, inisiatif UTM ini boleh menggalakkan lagi pelajar dan orang ramai menyertai aktiviti sukan berkuda. Saya turut berbangga dengan langkah pengurusan Universiti ini mengendalikan kursus menunggang kuda bagi pelajaran ko kurikulum yang dapat memperkenalkan dengan lebih dekat lagi sukan berkuda kepada para pelajar. Melalui usaha-usaha ini, penerimaan masyarakat terhadap sukan berkuda ini akan dapat diperluaskan lagi dan seterusnya dapat menarik minat pelbagai golongan masyarakat untuk menyertai sukan ini.

Dengan penubuhan Pusat Ekuin UTM ini, saya yakin usaha melahirkan ahli sukan Ekuin yang berprestasi tinggi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan dapat dihasilkan. Saya berharap masyarakat kampus ini dan seluruh rakyat Johor memanfaatkan peluang dan kemudahan yang disediakan ini dengan melibatkan diri dalam program sukan berkuda yang dianjurkan.

Sekian. Wassalam.

**DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR**
TUNKU MAHKOTA JOHOR



## Kata-kata Aluan Naib Canselor UTM

بسم الله الرحمن الرحيم

*Salam Sejahtera*

***Bersyukur saya kehadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat saya merakamkan sepatah dua kata di dalam buku cendera- mata ini. Saya juga dengan sepenuh ta'zim dan tawadhuk merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar, Tunku Mahkota Johor untuk merasmikan Pusat Ekuin Universiti Teknologi Malaysia. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan semua pihak di Universiti Teknologi Malaysia menubuhkan pusat Ekuin.***

***Penubuhan Pusat Ekuin ini merupakan satu langkah untuk memperkenalkan kegiatan sukan berkuda kepada seluruh masyarakat di samping ianya merupakan satu subjek ko-kurikulum.***

***Melalui penerapan sebegini matapelajaran ko-kurikulum, adalah diharapkan pembentukan sahsiah pelajar tidak hanya berteraskan ilmu teknologi yang terkini tetapi merangkumi aktiviti sukan dan rekreasi. Insya Allah, melalui langkah ini, tanggapan generasi akan datang terhadap sukan berkuda sebagai satu sukan yang terasing dan bukan popular dapat dikikis dan seterusnya menarik minat masyarakat untuk menyertainya.***

***Disamping itu adalah menjadi harapan saya agar UTM dapat memperkembangkan kepakarannya di dalam bidang Ekuin sehingga mencapai status 'pakar rujuk' terutamanya di dalam 'perekabentuk' atau 'designing' gelanggang dan arena. Hasrat ini akan hanya tercapai melalui jalinan kerjasama yang mantap daripada semua pihak dan saya pasti jalinan ini tersedia ada sehingga terlahirnya Pusat Ekuin ini.***

***Akhir kata, semoga perasmian Pusat Ekuin UTM akan menjadi pendorong ke arah kecemerlangan sukan ekuestrian negara.***

***Sekian, wassalam.***

***DATUK DR. AHMAD ZAHARUDIN B. IDRUS***



Kata-kata Aluan
Pengerusi
Pusat Ekuin UTM

بسم الله الرحمن الرحيم

*Alhamdulilah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia riayah dan inayahNya salah satu cabang sukan yang mendapat galakan dari Rasulullah S.A.W. dapat diwujudkan di UTM khasnya dan kawasan selatan tanah air amnya.*

*Masyarakat umum telah sedia maklum bahawa sukan berkuda merupakan sukan yang hanya diceburi oleh golongan elit sahaja. UTM merupakan Institusi Pengajian Tinggi yang julung kali mengorak langkah memperkenalkan sukan berkuda ini melalui matapelajaran ko-kurikulum kepada pelajarnya. Pusat Ekuin UTM juga membuka peluang kepada masyarakat luar yang ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam sukan ini.*

*Dalam kesempatan ini saya mengalu-alukan serta ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan sehingga berjaya tertubuhnya Pusat Ekuin UTM*

*Sekian, Terima kasih.*

*Wassalam*



***PROF. MADYA TAMJES KASTIRAN***

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH
Universiti Teknologi Malaysia
296719

# *Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Perasmian Pusat Ekuin UTM*

***Pengerusi***
Yg. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad Noor bin Hj. Salleh
(Naib Canselor UTM)

Tuan Hj. Ismail Ibrahim
*Pendaftar*

Tuan Haji Mohamad b. Abdulah
*Bendahari*

En. Aziruddin Ressang
*Pengarah Kerja*

Prof. Madya Tamjes Kastiran
*Pengarah Kebudayaan/Pengerusi Pusat Ekuin UTM*

Prof. Madya Abdul Aziz Husin
*Pengarah Unit Ko-Kurikulum*

En. Omar Bakar
*Timbalan Pendaftar (HEP)*

En. Mohd. Shoki Md. Ariff
*Timbalan Pendaftar (HEK)*

En. Zulkarnain Mohd Shah
*Pejabat Pengarah Kerja*

En. Roslan Mohd Sharif
*Pejabat Pengarah Kerja*

En. Ismail Wagiyo
*Pejabat Pengarah Kerja*

En. Abdul Hamid Abdul Rahman
*Pejabat Pengarah Kerja*

Dr. Ismail Ahmad
*Pusat Kesihatan UTM*

En. Abdul Halim Adam
*Pengarah Keselamatan*

En. Ismail Hj. Salleh
*Setiausaha*

## *Ahli Jawatankuasa Pusat Ekuin UTM*

***Penaung***
Y. Bhg. Datuk Dr. Ahmad Zaharudin bin Idrus
(Naib Canselor UTM)

***Penasihat***
Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad Noor Hj. Muhammad Salleh
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM
Kelab Polo Diraja Johor
Majlis Ekuin Malaysia

***Pengerusi***
Prof. Madya Tamjes Kastiran

***Setiausaha***
En. Ismail Hj. Salleh

***Bendahari***
En. Zakariya Rasip

***Penolong Bendahari***
En. Abdul Razak Yaacob

***Ahli***
En. Abdul Hamid Abd. Rahman
En. Basir Daud
En. Khazalle Misbah
En. Kasim Marjono
En. Anuar Wahab
En. Zakaria Ahmad
En. Ahmad Mustaffa Jamil
En. Kadir Ramlee

# *Aturcara Majlis*

**RABU ✱ 14 OGOS 1996 ✱**

| Masa | Acara |
|---|---|
| 2.00 | Ketibaan para jemputan |
| 2.45 | Keberangkatan tiba DYAM Tunku Ibrahim Ismail ibni Sultan Iskandar Tunku Mahkota Johor |
| 2.50 | Bacaan Doa |
| 3.00 | Ucapan Aluan Y. Bhg. Datuk Dr. Ahmad Zaharudin Idrus Naib Canselor UTM |
| 3.15 | Titah Perasmian DYAM Tunku Ibrahim Ismail ibni Sultan Iskandar, Tunku Mahkota Johor dan seterusnya merasmikan dan memasyhurkan Pusat Ekuin UTM<br>- Melawat Pameran<br>- Demonstrasi 'Show Jumping'<br>- Perlawanan Polo |

**KHAMIS ✱ 15 OGOS 1996 ✱**

| Masa | Acara |
|---|---|
| 10.00 | Demonstrasi 'Dressage' |
| 11.00 | Demonstrasi 'Show Jumping' |
| 3.00 | Demonstrasi 'Dressage' |
| 4.00 | Demonstrasi 'Show Jumping' |
| 4.30 | Perlawanan Polo<br><br>Majlis Penyampaian Hadiah |

## *PERTANDINGAN POLO JEMPUTAN UTM*
## *14-15 OGOS 1996*

### 4 CHUKKERS

| ROYAL JOHOR | | RJPC 1 | |
|---|---|---|---|
| 1. U Faisal | 0 | 1. Razak Ahmad | -1 |
| 2. YAM Tunku Bendahara | 0 | 2. Ismail (Pak Mail) (Capt) | 0 |
| 3. DYAM Tunku Mahkota | +3 | 3. Placo | +2 |
| 4. David Keyte | +2 | 4. Che Seman | +1 |

### 2 CHUKKERS

| RJPC 2 | | PASIR PELANGI R. SCHOOL | |
|---|---|---|---|
| 1. Eizam Mohsin | -2 | 1. Hj. Sallehudin | -2 |
| 2. Wahab Hatif | -1 | 2. Adnan Othman | -2 |
| 3. Zailani Ali (Capt) | -1 | 3. Halim Ahmad (Capt) | -1 |
| 4. Ahmad Bakar | 0 | 4 Kadir Yusof | +1 |

### 2 CHUKKERS

| ROYAL JOHOR JUNIOR | | PUSAT EKUIN UTM | |
|---|---|---|---|
| 1. YM Tunku Ismail (Capt) | -2 | 1. Prof. Madya Tamjes Kastiran (Capt) | -3 |
| 2. Beng Selamat | -2 | 2. Basir Daud | -3 |
| 3. Fadhili Selamat | -2 | 3. Adi Bintal | -3 |
| 4. Sohil Lamri | -1 | 4. Hassan Salleh | -1 |

***Pertandingan dua hari pasukan yang sama di Padang Polo UTM Skudai Johor Bahru***
***Perlawanan bermula pada pukul 4.30 petang***